

B 0450 AAB
MAHATHIR - UMNO R R R

KUALA LUMPUR, 8 OGOS (BERNAMA) -- JUMLAH ANGGOTA UMNO SETAKAT INI, YANG SERAMAI 931,361 ORANG, MEMBOLEHKAN PARTI ITU MENUNTUT HAK KE ATAS ASET YANG DIMILIKINYA SEBELUM INI, PRESIDEN UMNO, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, MENGUMUNKAN HARI INI.

KATANYA, JUMLAH ITU MERANGKUNI 743,980 ANGGOTA YANG TELAH DIDAFTARKAN OLEH BAHAGIAN-BAHAGIAN MANAKALA YANG SELEBIHNYA SERAMAI 187,381 ORANG DIPEROLEHI MEMERUSI KEMPEN OPERASI KHAS PERGERAKAN PEMUDA UMNO. HANYA SEBAHAGIAN KECIL SAHAJA DARIPADA JUMLAH ITU MERUPAKAN ANGGOTA BARU.

PERDANA MENTERI BERKATA JUMLAH ITU ADALAH JAUH LEBIH BESAR DARIPADA SEPAPUH ANGGOTA UMNO YANG SERAMAI 1.2 JUTA SEBELUM PERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG KE-24 PADA APRIL 1987.

+DAN DENGAN JUMLAH YANG DIDAPATI INI KITA TELAH BERHAK MENUNTUT ASET YANG DIMILIKI OLEH UMNO KEPADA KEANGGOTAAN KITA TELAH MELEBIHI DARIPADA SEPAPUH KEANGGOTAAN UMNO SEBELUM INI,+ KATANYA SEMASA BERUCAP MENUTUP OPERASI KHAS PENAMBAHAN KEANGGOTAAN PERINGKAT SATU ANJURAN PERGERAKAN PEMUDA UMNO DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI.

MEMANDANGKAN KEJAYAAN PENAMBAHAN KEANGGOTAAN YANG DICAPAI DALAM MASA YANG SINGKAT ITU, PERDANA MENTERI MENGARAHKAN PERGERAKAN PEMUDA UMNO MEMERUSKAN OPERASI YANG SERUPA UNTUK PERINGKAT KEDUA DAN SETERUSNYA. -- LAGI

2005MST 08 08 88

0161

B 0451 AAB
MAHATHIR - UMNO 2 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR BANGGA DENGAN USAHA YANG DIBUAT OLEH PERGERAKAN PEMUDA KERANA TELAH BERJAYA MEMPEROLEHI ANGGOTA YANG RAMAI DALAM MASA TIGA MINGGU WALAUPUN PADA ASALNYA MENJANJIKAN 130,000 ANGGOTA SAHAJA.

KATANYA, INI MEMBUKTIKAN BAHAWA ORANG MELAYU, TERUTAMANYA DARIPADA KALANGAN BAWAHAN MASIH SAYANGKAN UMNO DAN SOKONGAN MEREKA TERHADAP UMNO TIDAK PERNAH LUNTUR.

+APA YANG MEMBAHA MASALAH HANYALAH ORANG YANG DUDUK DI ATAS TETAPI ORANG DI BAWAH TIDAK PERNAH BERPECAH MALAHAN MEREKA SAYANGKAN UMNO.

+SEBAB ITULAH BEGITU MUDAH KITA MEMPEROLEHI KEANGGOTAAN HAMPIR SATU JUTA DALAM JANGKA MASA YANG PENDEK,+ TEGASNYA.

BELIAU BERKATA TERDAPAT ORANG YANG SEBELUM INI TIDAK MENJADI ANGGOTA UMNO TETAPI KINI TELAH BERMINTA MENJADI ANGGOTA UMNO.

+INI SATU FENOMENON BARU DAN MEMBANGGAKAN, MUNGKIN MINAT MEREKA TIMBUL SETELAH KITA MEMBERSIHKAN SAMPAH-SARAP DALAM UMNO,+ KATANYA. -- LAGI

2006MST 08 08 88

0174

B 8467 AAB

MAHATHIR - UMNO 3 KUALA LUMPUR RRR

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR, MEREKA YANG SAYANGKAN UMNO INI PERCAYA BAHAWA UMNO ADALAH SATU PERTUBUHAN YANG DAPAT MENENTUKAN KEKUATAN ORANG MELAYU DALAM POLITIK TETAP TERPELIHARA.

MEREKA PERCAYA BAHAWA SOKONGAN MEREKA SANGAT PENTING AGAR UMNO BOLEH MENERUSKAN USAHA MEMPERJUANGKAN NASIB DAN MASA DEPAN ORANG MELAYU.

KATANYA, GOLONGAN INI JUGA TIDAK PERMAH MENGANGGAR UMNO ITU PENGSAH ATAU MATI MALAH UMNO TETAP DALAM HATI MEREKA WALAUPUN MAHKAMAH MENGISYTIHARKAN BAHAWA UMNO ADALAH SEBUAH PARTI TIDAK SAH. +PERKARA POLITIK INI TIDAK BOLEH DISELESAIKAN DI MAHKAMAH KERANA IA MELIBATKAN PERASAAN.

+WALAUPUN DIKATAKAN UMNO TIDAK SAH, UMNO ADA DALAM HATI MEREKA,+ TEGASNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA ORANG-ORANG MELAYU TIDAK AKAN BERPECAH SEHINGGAKAN MATLAMAT YANG MEREKA HARAPKAN TIDAK TERCAPAI. -- LAGI 2033MST 08 08 88

B 8468 AAB

MAHATHIR - UMNO 4 KUALA LUMPUR R R R

MASIH BANYAK KERJA YANG BELUM SELESAI DAN PERLU DIBUAT UNTUK MENENTUKAN ORANG MELAYU TIDAK TERUS TENGGELAN SEBALIKNYA MAMPU BERSAING DENGAN KAUM ATAU NEGARA MAJU YANG LAIN.

SEJAJAR DENGAN ITU, BELIAU BERKATA UMNO AKAN TERUS BERJUANG HABIS-HABISAN UNTUK MENENTUKAN TIDAK ADA MANA-MANA PIHAK YANG CUBA MEMBUAT ANGKARA DAN MEMBANTUTIKAN PENCAPAIAN MATLAMAT BERKEMANA.

+SEKIRANYA ADA PIHAK YANG SANGGUP KE MAHKAMAH UNTUK TUJUAN ITU, KITA JUGA SANGGUP BERBUAT DEMIKIAN DAN SEKIRANYA ADA PIHAK YANG CUBA MEMBUAT ANGKARA KITA AKAN MENGANDIL TINDAKAN TEGAS.+ KATANYA.

KATANYA, ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB BERSAMA UNTUK MEMPASTIKAN UMNO KEKAL SEBAGAI SEBUAH PARTI YANG KUAT UNTUK KESTABILAN NEGARA.

APA YANG PENTING IALAH UMNO HARUS DIJADIKAN PERTUBUHAN UNTUK MEMPERJUANGKAN KEPENTINGAN ORANG MELAYU DAN TIDAK ORANG TERTENTU SAHAJA, TAMBAHNYA. -- LAGI 2034MST 08 08 88

0176

B 8469 AAB

MAHATHIR - UMNO 5 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA UMNO BOLEH DISEBUT UMNO WALAUPUN TERDAPAT SESETENGAH PIHAK YANG MENDAKWA IA SEPATUTNYA MENGGUNAKAN NAMA UMNO (BARU).

KATANYA, MENGIKUT PERLEMBAGAAN PARTI, PENDAFTAR PERTUBUHAN TELAH MELULUSKAN PENDAFTARAN UMNO DENGAN NAMA PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU (BARU) ATAU UMNO.

+DENGAN INI KITA BOLEH MENYEBUT NAMA PARTI KITA SEBAGAI UMNO TANPA DISEBUT BARU.+ TEGASNYA.

SELEPAS ITU, PERDANA MENTERI HEMERIMA BORANG-BORANG KEANGSOTAN DARIPADA WAKIL-WAKIL PERGERAKAN PENUDA NEGERI. -- BERNAMA 2036MST 08 08 88